

Khutbah Jumaat
“Menyambut Tahun Baru Dengan Penuh Keinsafan & Pengharapan”
Pejabat Imam Besar Negeri Sarawak
(25 Muharam 1432H / 31 Disember 2010M)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي يُجِيبُ الدَّعَوَاتِ أَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى, يَغْفِرُ الذُّنُوبَ وَيَعْفُو عَنْ
السَّيِّئَاتِ, أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ, وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ, أَفْضَلُ رَسُولٍ جَاءَ بِالْهُدَى وَالْبَيِّنَاتِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita sama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, dengan mengikuti segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan dan tegahanNya. Mudah-mudahan kita mendapat keredhaan Allah di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari yang mulia ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“Menyambut Tahun Baru Dengan Penuh Keinsafan & Pengharapan”**.

Sidang Jumaat Yang Dikasihi,

Pada saat yang penuh barakah ini, marilah kita mengambil kesempatan, menyatakan kesyukuran yang ikhlas kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan keizinan-Nya dapat kita bertemu lagi dengan tahun baru masihi, selepas bertemu dengan tahun baru hijriah baru-baru ini .

Setiap kali kedatangan tahun baru, hendaknya kita menggilap azam baru, untuk bangun memperbaiki diri kita, sebagai umat yang paling baik **"Khaira Ummah"**. Kita sambut ketibaan tahun baru, dengan penuh keinsafan, penuh harapan dan persediaan. Di samping itu, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberi umur yang panjang, dalam keadaan sihat, selamat dan sejahtera. Alhamdulillah.

Sidang Jumaat Yang Mulia,

Diambang tahun baru ini, kita hendaklah memperkuat tekad dan azam, untuk meneruskan usaha ke arah menjana kemajuan diri, memartabatkan ummah dan negara, sesuai dengan tuntutan Islam. Marilah kita bina kekuatan kita menerusi perpaduan. Marilah kita rapatkan semula mana-mana di antara kita yang jauh dan renggang, bermaaf-maafan di atas segala kesilapan dan kesalahan yang lalu.

Perkara-perkara negatif, perkara-perkara mungkar yang boleh mengaibkan diri, masyarakat dan agama, yang berlaku sepanjang tahun lalu, hendaklah ditinggalkan dan janganlah diulang lagi. Perkara-perkara baik dan makruf, kita teruskan dengan penambahbaikan lagi, mudah-mudahan kita menjadi umat yang diredhai Allah Subhanahu Wata'ala.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Perbezaan pendapat adalah suatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Perbezaan pandangan dalam hal-hal ranting atau cabang, boleh memberi kesan yang baik dalam percambahan dan pertumbuhan pemikiran, seandainya kita mampu menghadapinya secara dewasa. Tetapi, jika perbezaan dan kelainan pendapat, kita tangani dengan sikap kebudak-

budakan, maka sudah tentu perbezaan itu akan menjadi sebagai bahan pembakar, menyemarakkan lagi api permusuhan dan perbalahan sesama sendiri.

Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Bagi mencapai kemajuan dan kecemerlangan sesuai dengan perintah Allah, maka terdapat beberapa perkara yang perlu diberi keutamaan untuk dilaksanakan. Antaranya ialah:-

Pertama: Keutamaan Beragama.

Umat Islam yang baik dan mulia ialah mereka yang memiliki kekuatan beragama, kekuatan iman, ketinggian ilmu pengetahuan dan akhlak Islam. Islam adalah agama yang maha agung, yang telah menunjukkan kita jalan, untuk kita mendapat keselamatan di dunia, lebih-lebih lagi keselamatan di akhirat. Islam telah menyusun dan menerangkan cara beribadah, berakhlak, berhubung sesama manusia untuk urusan hidup seperti mentadbir, mendidik, membangun, berjihad dan sebagainya.

Di satu ketika dahulu, didapati lumrah amalan-amalan terpuji wujud dalam masyarakat kita, tetapi di akhir-akhir ini didapati banyak petanda yang menunjukkan, sebahagian kita telah lupa terhadap tuntutan kehidupan beragama. Kerana keghairahan berlumba-lumba mengejar kehidupan di dunia, seperti mengumpul seberapa banyak harta, berjuang untuk mendapat pangkat dan kedudukan, sehingga kita mengenyampingkan tuntutan agama yang mementingkan kehidupan bersopan-santun, bertata-susila, kekuatan iman, ketinggian ilmu dan ketaatan yang kukuh kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Kemuliaan umat Islam, adalah terletak pada diri mereka sendiri. Umat Islam sendiri yang menentukan bentuk gambaran atau wajah Islam, sama ada ianya berseri dan bersinar atau malap ibarat pelita yang kehabisan minyak. Allah telah menerangkan golongan orang yang memelihara kemuliaan diri dan kebaikan yang mereka perolehi melalui firmanNya dalam Surah Al-Hajj ayat 30:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

ذَٰلِكَ وَمَنْ يُعِظْمَ حُرْمَتِ اللَّهِ فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ عِنْدَ رَبِّهِ ۚ ...

Maksudnya: "Itulah yang wajib dipatuhi. Dan sesiapa yang menghormati hukum-hukum Allah, maka yang demikian menjadi kebaikan baginya di sisi Tuhannya"...

Oleh itu, kita perlu berusaha membersihkan pemikiran kita, supaya dapat menumpukan kembali terhadap tuntutan kehidupan beragama, dan kita akan terus maju dan dapat mendidik generasi akan datang mengamalkan tuntutan Islam.

Kita boleh menzahirkan kebaikan dan kesempurnaan Islam di mana jua kita berada seperti di majlis-majlis Sambutan Hari Raya, Hari Kebesaran Negeri dan Negara, pergaulan di tempat kerja, pergaulan di sekolah dan di kawasan perumahan sebagai jiran tetangga kita.

Kedua: Keutamaan Memperteguhkan Persaudaraan Sesama Islam.

Sejarah telah menunjukkan kepada kita, bahawa kedatangan Islam telah mengikat dan mengukuhkan persaudaraan yang berasaskan agama. Ini telah digambarkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Hujurat ayat 10:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلَحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: "Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat ".

Dalam sebuah hadis pula, Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: **"Seseorang muslim adalah saudara kepada muslim yang lain". (Riwayat al-Bukhari)**

Ukhuwwah Islamiah inilah yang telah menjadikan bangsa Arab ke seluruhnya sebagai satu umat yang baru dan menjadikan rantau Islam lebih luas hingga merangkumi seluruh dunia. Ukhuwwah ini juga telah melahirkan persamaan tanggungjawab terhadap masyarakat dan kepentingan dalam diri setiap individu. Masyarakat Islam mestilah teguh seperti sebuah bangunan yang tersergam kukuh, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Orang mukmin bagi orang mukmin yang lain adalah umpama satu binaan, kuat menguatkan di antara satu sama lain". (Riwayat Muslim).

Kita mestilah memupuk dan menyuburkan perasaan kasih sayang yang merupakan faktor penting bagi kejayaan persaudaraan dan kemajuan suatu umat. Sebaliknya, bangsa yang sentiasa berpecah-belah akan menjadi bangsa yang lemah dan tidak mempunyai keupayaan dalam memajukan kehidupan ini.

Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Ketiga: Keutamaan Kehidupan Yang Baik.

Marilah kita sekalian berusaha untuk berhijrah daripada kehidupan yang sempit kepada kehidupan yang selesa. Oleh itu, kita perlu berusaha dengan tekun serta diiringi dengan tawakkal dan doa kepada Allah. Kita mesti menyedari bahawa setiap kejayaan yang diperolehi adalah kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan berbekalkan semangat keimanan yang teguh, kita tidak sesekali akan merasai lemah semangat atau berputus asa, apabila diuji dengan ujian Allah, seperti kegawatan ekonomi, kenaikan harga barangan, dalam apa jua keadaan sekali pun.

Sebaliknya, kita perlu bertindak positif dengan meningkatkan lagi tahap keilmuan dan kemahiran kita, di samping bersabar dalam menghadapi semua masalah. Kita sedar bahawa setiap usaha yang dilakukan dengan niat yang ikhlas, tentulah diberi **nilaian** sebagai ibadah di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan akan membawa kejayaan serta kebaikan yang lebih besar kepada kita. Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah An-Nahl ayat 97:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Maksudnya:"Sesiapa yang beramal soleh, daripada lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan".

Allah Subhanahu Wata'ala memberi pelbagai kemudahan hidup dan rezeki di bumi ini kepada manusia dengan segala sumber rezeki di daratan mahu pun di lautan. Pengangguran atau amalan meminta-minta atau melepak tanpa kerja adalah perbuatan yang dicela oleh Islam. Islam tidak menghalang kita mencari kekayaan. Melalui kekayaan, kita dapat berzakat, berwakaf, bersedekah dan lain-lain. Islam menghalang kita mencari harta sehingga lupa menunaikan kewajipan mengerjakan ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapatkan harta dengan jalan tidak halal.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Umat Islam di semua peringkat hendaklah menyediakan bekalan yang kukuh dan merangkumi seluruh tuntutan Islam iaitu dengan penghayatan, sehingga mereka menjadi muslim dari sudut akidah, muslim dari sudut ibadah, muslim dari sudut akhlak, muslim dari sudut keluarga, dapat menguasai diri dan meyakini masa depan Islam yang gemilang .

Marilah kita kembali untuk muhasabah diri **Sempena Memasuki Tahun Baru** ini. Marilah kita kembali memperbetulkan gerak kerja atau hidup kita. Marilah kita lakukan apa yang lebih baik daripada hari ini, hari esok dan seterusnya. Semoga kita akan menjadi umat contoh yang berjaya. Firman Allah SWT di dalam Surah Al-Hasyr ayat 18:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرَ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ
بِمَا تَعْمَلُونَ

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (daripada amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan):Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi PengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

{إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾}

اَللّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّشِيدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اَللّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Ya Tuhan kami! Ampunkanlah dosa dan kesalahan kaum muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia. Ya Allah ! Ampunilah dosa-dosa dan kesalahan ibu bapa dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada mereka dalam kehidupan di dunia ini, lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Islam Negara kami khasnya kepada *Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia*, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami khususnya *Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak*.

Ya Allah, kami bersyukur kehadiranmu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara kami, khususnya Negeri Sarawak yang tercinta ini, sebagai sebuah negeri yang maju dan sejahtera. Justeru itu, kami pohon kehadiranMu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang engkau redhai, lindungilah kami daripada ujianmu seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan kebuluran. Kami berlindung denganMu Ya Allah, semoga negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. آمِينَ, يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.

Disediakan Oleh:
Pejabat Imam Besar Negeri Sarawak